

Klinik Maha

UM 31/10/2003 - 21 PRECISE

Cara Mahathir bantu warga tua dan susah

h DALIZA ARIFFIN

NAMA Maha Klinik sememangnya sudah tidak asing lagi bagi penduduk-penduduk Alor Star, khasnya dan orang Kedah amnya.

Ini kerana ia merupakan klinik pertama milik orang Melayu di Kedah pada awal tahun 60-an dan apa yang membanggakan pemilik Maha Klinik tersebut ialah seorang insan yang mengabdikan dirinya selama 22 tahun untuk masyarakatnya iaitu Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Bagi mereka yang pernah mendapat rawatan di klinik tersebut, Dr. Mahathir ialah seorang insan yang mempunyai seribu satu simewaan.

Menurut seorang bekas pesakit Maha Klinik, **Zainol Aziz**, dia tidak pernah membayar satu sen sepanjang mendapat rawatan di situ.

Zainol, 61, dari Kampung Pasir, Mukim Naga, Kubang Pasu adalah antara pelanggan Maha Klinik milik Dr. Mahathir di Pekan Melayu, Alor Star.

Menurut Zainol, beliau bukan sahaja yang mendapat perkhidmatan percuma, malah ramai penduduk di sekitar daerah ini khususnya golongan tua, kurang upaya dan kumpulan berpendapatan rendah mendapat layanan terbaik daripada Dr. Mahathir.

Selain tidak mengenakan bayaran kepada pesakitnya, layanan mesra pelanggan disertai dengan tutur katanya yang lemah lembut serta sikapnya yang suka mengambil berat tentang pesakitnya sehingga kini sukar untuk dilupakan oleh bekas pesakitnya.

Zainol menceritakan, Dr. Mahathir sering berpelawa rakan-rakannya atau orang-orang tua kampung-kampung yang sakit agar datang ke klinik beliau untuk diberikan rawatan.

Dia (Dr. Mahathir) selalu kata kalau ada orang tua yang sakit bawalah datang ke sini, dia nak mahu ambil duit sebab dia nak tolong orang ikhlas," cerita Zainol ketika ditemui.

Zainol yang sebelum ini bekerja sebagai pemandu bas dan hanya berpendapatan RM3.50 sehari begitu berterima kasih kepada Dr. Mahathir kerana merawatnya secara percuma.

Walaupun pakcik terpaksa menaiki basikal ke batu-batu dari Kepala Batas ke Alor Star, dia tetap lagi membawa isteri dan anak sekiranya sakit, tetapi pakcik tidak peduli semua itu kerana pakcik mahukan mereka mendapat rawatan terbaik daripada Dr. Mahathir.

"Pakcik tak mampu nak pergi klinik lain sebab pakcik kecil sahaja pada masa itu, bagaimanapun pakcik tak tahu macam mana nak dapatkan jasa baik Dr. Mahathir," ujarnya lagi.

Seorang lagi bekas pesakit Maha Klinik, **Ismail Hussin** juga mempunyai pengalaman yang sukar dilupakan semasa pergi mendapatkan rawatan Dr. Mahathir.

"Saya menaiki sampan selama hampir dua jam melalui Sungai Pasir dan Sungai Anak Bukit semata-mata untuk mendapat rawatan di klinik Dr. Mahathir di Pekan Melayu," katanya.

Ismail yang juga imam surau Padang Gelam, Mukim Naga memberitahu, layanan yang diberikan oleh Dr. Mahathir kepada pesakitnya sangat ditandingi oleh doktor-doktor sekarang.

Tambah beliau, Dr. Mahathir juga akan membuat pemeriksaan menyeluruh terhadap pesakitnya meskipun beliau hanya mengadu masalah biasa sahaja.

Bekas wartawan akhbar Warta Negara dan Utusan Melayu Kedah, Tan Sri **Azahari Md. Taib** banyak menyimpan kenangan pahit dan manis sepanjang menjadi rakan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

"Seperkara yang saya tidak lupa semasa dia (Dr.



BANGUNAN asal Klinik Maha yang terletak di No 12 Pekan Melayu Alor Star.



ISMAIL HUSSIN



ZAINOL AZIZ

Mahathir) menjadi doktor, saya menjadi mangsa percubaan. Mana-mana ubat sampel diberikan kepada saya dulu untuk mencubanya," kata Azahari yang ketika itu menjadi Exco kerajaan negeri Kedah dan salah seorang pelanggan Maha Klinik.

Azahari yang juga veteran UMNO dan pernah menjadi Ahli Parlimen serta Timbalan Speaker Dewan Rakyat menceritakan beliau mula mengenali Dr. Mahathir selepas tentera Jepun menyerah kalah kepada tentera British dalam Perang Dunia Kedua.

Walaupun sudah mempunyai klinik sendiri, kata Azahari, Dr. Mahathir sebenarnya berminat dalam bidang perniagaan lain tetapi tidak begitu berjaya.

Antara bisnes yang diceburi ialah sebagai pemaju perumahan yang dikongsinya bersama Tan Sri Khalid Abdullah dan hasil usaha sama itu wujudlah Taman Malid (Mahathir dan Khalid) di Alor Star.

Beliau juga cuba berniaga di sektor perlombongan bijih timah di Sintok, tetapi gagal, kata Azahari.

Dr. **Mohamed Yacob Dawood** membuat keputusan memberi notis berhenti kerja 24 jam sebagai pegawai perubatan di Hospital Kuala Lumpur pada tahun 1972 selepas dipelawa oleh Dr. Mahathir Mohamad untuk bekerja di Maha Klinik.

"Saya tidak pernah jumpa atau kenal Dr. Mahathir, tetapi saya hanya tahu beliau melalui akhbar selepas penyingkiran beliau dari UMNO yang sentiasa menjadi bahan berita panas pada waktu itu," kata Dr. Yacob.

Beliau sehingga kini masih meneruskan operasi Maha Klinik walaupun bosnya dulu menjadi Perdana Menteri selama 22 tahun.

Menurut Dr. Mohamed Yacob, beliau pada mulanya meminta tempoh sebulan untuk berhenti kerana jika mengambil keputusan berhenti dalam masa 24 jam, beliau terpaksa membayar sebulan gaji.

Bagaimanapun Dr. Mahathir memberitahu beliau akan membayar sebulan gaji kepada kerajaan sebagai ganti selain menawarkan gaji yang lebih baik.

"Saya tahu dia (Dr. Mahathir) jujur dan baik, sebab itu saya mengambil keputusan untuk menjadi pembantunya di Maha Klinik," katanya ketika ditemui.

Semasa membuat tawaran itu Dr. Mahathir menceritakan klinik beliau mempunyai ramai pelanggan Melayu dan

pelanggan yang beragama Islam, kata Dr. Mohamed Yacob, 64, yang sebelum itu pernah bertugas di Hospital Pulau Pinang dan pegawai perubatan di Kementerian Pertahanan.

"Kali pertama saya jumpa Dr. Mahathir apabila Dr. Din yang menjadi pakar X-ray Hospital Kuala Lumpur memperkenalkan saya kepadanya," kata beliau.

Semasa mereka bertiga makan tengah hari di sebuah restoran Jalan Tuanku Abdul Rahman dan ketika itu Dr. Mahathir memperlawanya untuk bekerja di Maha Klinik.

Beliau mengakui semasa bekerja di Maha Klinik, Dr. Mahathir tidak mengambil bayaran jika pesakit itu tidak mempunyai wang atau orang miskin,

malah Dr. Mahathir sendiri memberi wang tambang kepada pesakit itu untuk pulang.

Kebanyakan orang tua dan orang kampung memang suka datang ke klinik itu kerana ia merupakan satu-satunya klinik milik orang Melayu di negeri Kedah, malah ada pelanggannya datang dari jauh hingga negeri Perlis.

"Beliau datang kerja sebelum matahari naik dan balik selepas matahari tenggelam," kata Dr. Yacob menceritakan pengalamannya selama dua tahun bersama Dr. Mahathir.

Pada masa itu, Dr. Mahathir juga dianggap 'Dr. UMNO' kerana penglibatannya yang cergas dalam politik. Bagi beliau politik dan merawat pesakit adalah dua tugas penting yang perlu dilaksanakan dalam satu masa yang sama.

Satu hal yang menarik, ada yang datang ke klinik bukan untuk berubat tetapi semata-mata hendak berjumpa kerana politik dan beliau juga sedia mendengar masalah pesakit.

"Dr. Mahathir tidak akan menyuruh pesakitnya keluar dari bilik pemeriksaan hingga pesakit itu sendiri beredar," kata Dr. Yacob lagi.

Maha Klinik, menurut Dr. Yacob pada mulanya terletak di sebaris rumah kedai Jalan Tunku Ibrahim, Alor Star, iaitu tidak jauh dari Pekan Rabu.

Bagaimanapun Maha Klinik berpindah ke Pekan Melayu kerana ia lebih dekat dengan Sungai Kedah untuk memudahkan pesakitnya yang datang dengan perahu atau sampan.

"Sebelum itu pesakit yang uzur datang melalui jalan sungai terpaksa diusung atau menaiki beca ke Jalan Tunku Ibrahim," katanya.

Beliau juga berkata, selain merawat pesakit di klinik, Dr. Mahathir juga akan memasuki kampung pedalaman jika dipanggil dan kadangkala terpaksa menumpang basikal atau motosikal jika kereta beliau tidak dapat sampai ke rumah pesakit.

Ditanya mengenai asalnya perkataan Maha, Dr. Mohamed Yacob berkata mungkin ia nama pendek Dr. Mahathir ataupun gabungan nama beliau dengan isterinya Dr. Siti Hasmah Mohd Ali.

Apa yang penting, nama Maha Klinik itu begitu sinonim dengan penduduk Alor Star dan negeri Kedah amnya hingga sekarang walaupun telah berpindah ke Jalan Sultan Badlishah.

Dr. Mahathir bagaimanapun berhenti daripada merawat pesakit di kliniknya selepas dilantik sebagai Menteri Pendidikan setelah beberapa bulan memenangi kerusi Parlimen Kubang Pasu pada pilihan raya umum 1974.

"Selepas itu saya mengambil alih tugas sepenuhnya terhadap Maha Klinik hingga sekarang," kata Dr. Mohamed Yacob.



AZAHARI MD TAIB